

9. Membathkan lagi Anggaran Belanja (Tambahan) Pembangunan (No.3) tahun 1963 (Cmd.45 tahun 1963) dalam Jawatan Kuasa sa-buah2 Majlis (11hb Disember, 1963.

10. Menteri Kewangan akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini memutuskan ia-itu sa-jumlah wang tidak lebih daripada \$721,587,720 hendak-lah di-keluarkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun 1964 dan bagi maksud menepati tujuan2 Kepala dan Pechahan Kepala yang di-terangkan dalam ruangan yang kedua dalam Kenyataan yang terbentang di-atas Meja Meshuarat sa-bagai Kertas Titah No. 46 tahun 1963, hendak-lah di-untokkan jumlah wang di-sebutkan bertentangan dengan Kepala dan Pechahan Kepala yang tersebut dalam ruangan yang kesembilan dan kesa-puluh berkenaan dengan Kepala 100-153 dan ruangan kelapan dan kesembilan berkenaan dengan Kepala 155-210.

11. Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani akan menchadangkan:

Bahawa Dewan ini mengutok Kerajaan Pusat yang telah menyalah-gunakan kuasa Undang2 Keselamatan Dalam Negeri bagi menangkap dan menahan sa-orang ulama baharu2 ini di-Kelantan dan menuntut supaya dia di-lepaskan dan perbuatan menahan mana2 ulama Islam kerana pendapat ugama-nya itu tidak lagi di-lakukan.

12. Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad akan menchadangkan:

Bahawa Kerajaan hendak-lah mengadakan sa-buah Undang2 bagi menubuhkan Majlis Kebudayaan Negara.

13. Enche' V. David akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini meminta kapada Kerajaan menggantikan Undang2 Ibu Kota Persekutuan dengan sa-buah Majlis Municipal bagi Kuala Lumpur yang di-pilih semua sa-kali Ahli2-nya dalam Pilihan Raya.

14. Enche' Lim Huan Boon akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini mengutok perbuatan Kerajaan Pusat menyalah-gunakan kuasa2-nya mengikut Rang Undang2 Keselamatan Dalam Negeri, Kerana baharu2 ini telah melakukan tangkapan dan tahanan terhadap ketua2 parti politik dan ketua2 Kesatuan Sa-kerja, dan menuntut supaya di-bebaskan dengan serta-merta dengan tiada bersyarat atau di-biharakan dalam Mahkamah Undang2.

Risalat2 yang di-bawa ka-dalam Meshuarat

<u>1963</u>	<u>Tarikh di-bawa</u>
Cmd. 52. Anggaran Pendapatan Hasil Malaysia tahun 1964	14hb. Disember, 1963.
Cmd. 53. Surat peringatan Jabatan Bendahari di-atas Anggaran Pendapatan Hasil Malaysia tahun 1964	16hb. Disember, 1963.
ST. 78/63 Perintah Chukai2 Kastam (No.9) tahun 1963 (Pindaan)	"

DEWAN RA'AYAT YANG PERTAMA

MALAYSIA

Penggal Yang Kelima
Atoran Urusan Meshuarat

ari Selasa, 17hb Disember, 1963 pukul 10.00 pagi

69

PERTANYAAN2 BAGI JAWAB MULUT

- *1. Enche' K. Karam Singh bertanya kepada Menteri Pertahanan bila-kah semua sa-kali jawatan2 dalam Tentera Laut di-Raja Malaysia akan di-pegang oleh anak2 negeri Tanah Melayu.
- *2. Enche' K. Karam Singh bertanya kepada Menteri Pertahanan ada-kah Sir Rodney Moore akan bersara sa-bagai Ketua Turus Agong Angkatan Bersenjata dan jika betul boleh-kah Menteri Pertahanan menerangkan ada-kah hendak di-lantek sa-orang Pegawai Malaysia menggantikan-nya.
- *3. Enche' V. David bertanya kepada Menteri Pengangkutan mengapa Menteri Pengangkutan belum menjalankan langkah bagi membaiki rumah Kereta Api Class XI di-Bungsar dan Sentul, Kuala Lumpur.
- *4. Enche' V. David bertanya kepada Menteri Pengangkutan ada-kah Menteri Pengangkutan sedar ia-itu rumah2 kereta api di-Bungsar Road di-banjiri ayer bah pada masa hari hujan lebat dan apa langkah yang telah di-jalankan oleh Menteri Pengangkutan bagi mengelakkan ayer bah.
- *5. Enche' V. David bertanya kapda Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom ada-kah Menteri Kerja Raya sedar selalu berlaku kemalangan kereta di-Pantai dan jika di-sedar-nya boleh-kah di-timbangkan-nya membuat jalan menyeberang jalan, sama ada jalan bawah tanah atau jambatan atas jalan.

ATORAN URUSAN MESHUARAT DAN PEMBERITAHU2
USUL

- | | | | | |
|----|------------|--|-----|--------------------------|
| 1. | (DR.27/63) | Rang Undang2 Majlis Bandaran, Daerah dan Luar Bandar (Lantekan) | ... | Bachaaan Kali Yang Kedua |
| 2. | (DR.26/63) | Rang Undang2 Insuran (Pindaan) | ... | " |
| 3. | (DR.30/63) | Rang Undang2 Lembaga Penasihat Chukai (Pindaan) | ... | " |
| 4. | (DR.38/63) | Rang Undang2 Bil Perbendaharaan (Melanjutkan lagi) | ... | " |
| 5. | (DR.33/63) | Rang Undang2 Lalu Lintas Jalan Raya (Pindaan) | ... | " |
| 6. | (DR.36/63) | Rang Undang2 Perikanan (Pindaan) | ... | " |
| 7. | (DR.35/63) | Rang Undang2 Rachun (Pindaan) | ... | " |
| 8. | (DR.23/63) | Rang Undang2 Kumpulan Wang Perusahaan (Menanam Sa-mula)Getah (Pindaan) | ... | " |